



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

5 APRIL 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

5 APRIL 2021 (ISNIN)

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Getah Malaysia (LGM) menyedut sebuah premis disyaki menjalankan kegiatan jual beli sarung tangan getah yang ditolak (*rejected*) tanpa permit sah di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang, Jumaat lalu.

Dalam satu kenyataan, LGM memaklumkan syarikat terbabit dipercayai aktif membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah ditolak serta mengeksport sarung tangan getah, tanpa permit dan lesen sah sejak Julai tahun lalu.

Katanya, serbuan itu dijalankan Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan LGM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Raub dengan dibantu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong, Pahang.

"Dalam serbuan itu, 380 kotak berisi sarung tangan getah, 887 plastik berisi sarung tangan getah ditolak dan 619 plastik berisi sarung tangan getah sekerap, dirampas.

"Sembilan goni jumbo berisi sarung tangan getah ditolak, pelbagai dokumen

PROSES SARUNG TANGAN 'REJECTED'

Premis tak sah di Bentong diserbu



PREMIS disyaki menjalankan kegiatan jual beli sarung tangan getah tanpa permit sah di Bukit Tinggi, Bentong diserbu, semalam.

dan peralatan turut dirampas. Semua rampasan dianggar bernilai RM280,000," katanya.

Menurut kenyataan itu, tindakan diambil ke atas syarikat terbabit mengikut Peraturan 22 (1)(b) dan Peraturan 3 (1)(c) Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan

Permit) 2014.

"Jika sabit kesalahan mengikut Peraturan 22 (1)(b), syarikat itu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Jika sabit kesalahan mengikut Peraturan 3(1)(c) pula, syarikat boleh didenda ti-

dak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, LGM sentiasa prihatin dan menitikberatkan kualiti sarung tangan getah keluaran tempatan berikutan industri berkenaan adalah penyumbang terbesar kepada pendapatan

eksport barangan getah negara.

"LGM memantau dan mengawal selia keseluruhan rantaian industri getah yang beroperasi untuk memastikan kualiti sarung tangan getah dihasilkan berkualiti tinggi serta terjamin," katanya.

Sementara itu, KPDNHEP

Raub dalam satu kenyataan memaklumkan, 26 pekerja warga Myanmar termasuk empat wanita dan seorang lelaki tempatan dipercayai bekerja di premis dua tingkat itu, ditahan dalam serbuan jam 12 tengah hari terbabit.

Katanya, serbuan diketuai Timbalan Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP daerah, Mohd Faizul Salleh dilakukan hasil maklumat awam dan risikan selama seminggu.

"Ketika serbuan, ada sejumlah sarung tangan getah tanpa jenama yang belum dibungkus dan masih dalam bentuk cераian berada di dalam premis terbabit.

"Hasil pemeriksaan menemui sejumlah sarung tangan getah siap dibungkus dalam kotak yang sedia dipasarkan," katanya.

Menurutnya, pihak terbabit disyaki menggunakan premis berkenaan sebagai tempat memproses dan membungkus semula sarung tangan getah yang ditolak sebelum mengedarkannya ke pasaran.

Katanya, siasatan berhubung perkara berkenaan dilakukan LGM.

"Semua pekerja warga asing dan lelaki tempatan ditahan dalam serbuan itu diserahkan kepada polis," katanya.

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

PROSES SARUNG TANGAN 'REJECTED'

Premis tak sah di Bentong diserbu

Lembaga Getah Malaysia (LGM) menyerbu sebuah premis disyaki menjalankan kegiatan jual beli sarung tangan getah yang ditolak (*rejected*) tanpa permit sah di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang, Jumaat lalu.

Dalam satu kenyataan, LGM memaklumkan syarikat terbabit dipercayai aktif membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah ditolak serta mengeksport sarung tangan getah, tanpa permit dan lesen sah sejak Julai tahun lalu.

Katanya, serbuan itu dijalankan Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan LGM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Raub dengan dibantu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong, Pahang.

"Dalam serbuan itu, 380 kotak berisi sarung tangan getah, 887 plastik berisi sarung tangan getah ditolak dan 619 plastik berisi sarung tangan getah sekerap, dirampas.

"Sembilan guni jumbo berisi sarung tangan getah ditolak, pelbagai dokumen



PREMIS disyaki menjalankan kegiatan jual beli sarung tangan getah tanpa permit sah di Bukit Tinggi, Bentong diserbu, semalam.

dan peralatan turut dirampas. Semua rampasan dianggar bernilai RM280,000," katanya.

Menurut kenyataan itu, tindakan diambil ke atas syarikat terbabit mengikut Peraturan 22 (1)(b) dan Peraturan 3 (1)(c) Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan

Permit) 2014.

"Jika sabit kesalahan mengikut Peraturan 22 (1)(b), syarikat itu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Jika sabit kesalahan mengikut Peraturan 3(1)(c) pula, syarikat boleh didenda ti-

dak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, LGM sentiasa prihatin dan menitikberatkan kualiti sarung tangan getah keluaran tempatan berikutan industri berkenaan adalah penyumbang terbesar kepada pendapatan

eksport barangan getah negara.

"LGM memantau dan mengawal selia keseluruhan rantaian industri getah yang beroperasi untuk memastikan kualiti sarung tangan getah dihasilkan berkualiti tinggi serta terjamin," katanya.

Sementara itu, KPDNHEP

Raub dalam satu kenyataan memaklumkan, 26 pekerja warga Myanmar termasuk empat wanita dan seorang lelaki tempatan dipercayai bekerja di premis dua tingkat itu, ditahan dalam serbuan jam 12 tengah hari terbabit.

Katanya, serbuan diketuai Timbalan Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP daerah, Mohd Faizul Salleh dilakukan hasil maklumat awam dan risikan selama seminggu.

"Ketika serbuan, ada sejumlah sarung tangan getah tanpa jenama yang belum dibungkus dan masih dalam bentuk ceraihan berada di dalam premis terbabit.

"Hasil pemeriksaan menemui sejumlah sarung tangan getah siap dibungkus dalam kotak yang sedia dipasarkan," katanya.

Menurutnya, pihak terbabit disyaki menggunakan premis berkenaan sebagai tempat memproses dan membungkus semula sarung tangan getah yang ditolak sebelum mengedarkannya ke pasaran.

Katanya, siasatan berhubung perkara berkenaan dilakukan LGM.

"Semua pekerja warga asing dan lelaki tempatan ditahan dalam serbuan itu diserahkan kepada polis," katanya.

Lesen berniaga dalam talian lindungi hak pengguna

Prof Madya
Dr. Khairunesa Isa,
Jabatan Sains Sosial,
Pusat Pengajian
Umum Dan
Kokurikulum,
Universiti Tun
Hussein Onn Malaysia

Inisiatif Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperkenalkan lesen khas bagi perniagaan dalam talian tepat pada masanya.

Kementerian menerima 11,510 aduan pelbagai masalah berkaitan urusan niaga dalam talian dengan 7,797 membabitkan pengguna tidak menerima barangan dibeli pada 2020.

Statistik turut menunjukkan peningkatan jumlah aduan diterima 5,767 kes antara Januari hingga Mac lalu berbanding 5,415 (2020).

Aduan tertinggi membabitkan kes tidak menerima barang atau perkhidmatan ditawarkan, iaitu 3,870 aduan pada 2021 berbanding 3,569 (2019).

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merancakkan lagi aktiviti jual beli alaf baharu itu.

Pembelian dalam talian menunjukkan peningkatan berganda, jumlah peniaga dan jenis perniagaan yang dijalankan bertambah, malah produk dihasilkan lebih bervariasi.

Kewujudan laman web perniagaan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Reka bentuk menarik, informasi produk terkini dan tepat, tidak banyak gangguan iklan, pilihan pelbagai bahasa

serta kaedah pembayaran mudah dan selamat antara pilihan pengguna.

Namun, pelbagai isu kurang enak mula menular di media sosial. Pembeli tidak menerima barangan dibeli, kualiti dan sifat barangan tidak seperti dipamerkan serta harga dijual tidak sama bagi setiap pembeli antara isu dihadapi pembeli.

Sifat kurang beretika sesetengah peniaga menyebabkan tempiasnya terkena kepada peniaga dalam talian lain yang jujur.



Tidak kurang pengguna menjadi mangsa scammer. Menggunakan nama dan nombor telefon kononnya daripada jabatan kerajaan seperti balai polis dan mahkamah untuk menipu pengguna menjadi modus operandi.

Biarpun peringatan sering diberikan, hal itu masih berlaku disebabkan kecuai atau sifat panik pengguna.

Sebanyak 9,686 kes membabitkan nilai lebih RM400 juta direkodkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang Januari hingga 31 Oktober tahun lalu berkaitan penipuan siber dan multimedia.

Daripada jumlah itu, RM 24.7 juta membabitkan kes pembelian dalam talian, manakala RM203 juta kes penipuan telekomunikasi.

Sebagai badan bertanggungjawab menjaga dan melindungi hal ehwal pengguna, KPDNHEP menerjemahkan fungsi dan bidang kuasanya dengan menyediakan beberapa unit seperti Perlindungan Pengguna, Pendidikan Kepenggunaan, Aduan Pengguna dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Tribunal Tuntutan Pengguna berfungsi menyediakan forum alternatif kepada mahkamah sivil kepada pengguna membuat tuntutan tebus rugi dengan barang atau perkhidmatan secara murah, mudah dan cepat.

Syarikat bungkus semula minyak masak, seludup ke negara jiran

Seleweng subsidi

Oleh **NURAINA HANIS**
ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira RM80 juta dianggarkan diperoleh lebih 290 syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi dalam tempoh sebulan di seluruh negara.

Bayangkan, itu hanya angga-

ran jumlah tuntutan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam tempoh sebulan dan tidak termasuk keuntungan daripada aktiviti pembungkusan semula sebelum dijual kepada pelanggan atau diseludup ke negara jiran.

Memang pihak berkuasa mengesan terdapat segelintir

syarikat melakukan pembungkusan semula ke atas minyak masak bersubsidi yang kemudian turut memanipulasikan dokumen invois dengan membuat tuntutan palsu kepada kerajaan.

Minyak masak yang dituntut subsidi tersebut tidak ditawarkan di pasaran untuk orang ramai sebaliknya mereka 'mel-

akukan kerja lain' termasuk diseludup ke negara jiran atau menjualnya dengan harga lebih mahal apabila dimasukkan ke dalam botol.

Jadi, syarikat-syarikat itu boleh dapat 'untung atas angin' begitu sahaja sehingga mencecah jutaan ringgit sebulan.

Bersambung di muka 2

Seleweng subsidi

Dari muka 1

Penyelewengan itu sekali gus menyebabkan orang ramai sukar mendapatkan bekalan minyak bersubsidi di pasaran terbuka.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, setiap syarikat berkenaan dibekalkan kira-kira 100 tan hingga 500 tan (100,000 ke 500,000 kilogram) minyak masak bersubsidi untuk tempoh sebulan.

Katanya, syarikat pembungkus akan dibayar 60 sen bagi setiap sekilogram minyak masak bersubsidi tersebut oleh kerajaan.

Kata sumber, bayangkan jika mereka mendapat 500,000 kilogram minyak masak bersubsidi, jumlah tuntutan dibuat boleh mencecah kira-kira RM300,000 sebulan dan jutaan ringgit untuk tempoh setahun.

"Setiap pemilik syarikat perlu membuat tuntutan kepada KPDN-HEP dengan membuktikan kuota subsidi itu habis dijual kepada rakyat, walhal ia diseleweng.

"Yang untung sindiket tetapi kerajaan menanggung kerugian kerana membayar syarikat yang membuat tuntutan palsu manakala rakyat sukar dapat bekalan minyak masak murah,"



MINYAK masak subsidi yang dijual pada harga RM2.50 bagi setiap kilogram kerap habis di pasaran yang dikhuatiri akibat diseleweng oleh syarikat-syarikat pembekal.

kata beliau.

Mengulas lanjut, sumber memberitahu, sehingga kini, kira-kira 290 syarikat pembungkus di seluruh negara memperoleh kuota minyak masak bersubsidi dengan nilai kuota RM48 juta sebulan.

Jelas sumber, antara modus operandi mudah syarikat membuat penyelewengan ialah memindahkan minyak masak bersubsidi ke dalam botol berkapasiti dua atau lima kilogram menggunakan jenama syarikat itu.

Minyak masak yang dibotolkan bukan di bawah kawalan penguat kuasa.

"Penyelewengan minyak masak ini dipercayai didalangi sindiket berbeza-beza kerana masing-masing mempunyai pasaran tersendiri.

"Walaupun banyak kegiatan penyelewengan ditumpaskan namun masih ada yang cuba menjalankan kegiatan ini kerana minyak masak bersubsidi dilihat senang untuk mendapatkan keuntungan atas angin," katanya.

Fine-tune Consumer Protection Act 1999

THE report "Consumers can also turn to civil court - Rosol" and letter "Tribunals must take into account intellectual disability" theSun refers.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said the Tribunal for Consumer Claims is an alternative platform, as consumers not satisfied with any goods or services purchased may also seek redress at the civil court.

But consumers would have to pay lawyers to file civil suits with no guarantee of winning and also open themselves to countersuits, whereas the tribunal entertains claims from individual consumers only and not companies.

Hence, small claims courts have been set up in many countries around the world to avoid lengthy and expensive litigations.

In Malaysia, the official name for this body is Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), and consumers need to pay only RM5 to file a claim.

In 2019, the maximum amount claimable at TTPM was raised from RM25,000 to RM50,000.

After a "Statement of Claim" and supporting papers are submitted and verified, the counter officer will issue documents for the claimant to keep and those to be served on the respondent.

The documents include details of the claim and officially notify the company to appear for hearing at the TTPM on the stated date, time and venue.

It is akin to being summoned to court. Should the supplier fail to turn up, judgment is likely to be awarded to the consumer present.

Although disputing parties may seek legal advice prior to the hearing, they must appear in person at the tribunal and cannot be represented by a lawyer.

As TTPM was set up to protect consumers, judgment is likely to be awarded in favour of the claimant if it is a 50:50 case.

But when claims are made against large businesses, consumers would have to argue their case against formidable opponents.

Staff representing these corporations are usually legal experts but allowed at the hearing, as they do not hold any practising certificate from the Bar Council.

However, tables are turned when dissatisfied customers file claims against tour

or travel agencies, as most of these firms are small and medium-sized enterprises.

And many are micro businesses employing only a handful of staff with minimal legal expertise.

But all are equally vulnerable when acting as intermediary. Usually, there are no written agreements between a host of contracted service providers with their customers on a tour.

Sadly, travel agents suffer a double whammy whenever something goes wrong, and the risks are many.

About the only training many travel agents received was when attending the Travel and Tours Enhancement Course (TTEC) to obtain the certificate needed to renew their tour operating and travel agency business licences with the Ministry of Tourism, Arts and Culture (Motac).

One of the five units in TTEC is "Tourism law and best practices", and one of the presentation slides is dedicated to the Consumer Protection Act 1999.

Here, trainers may jokingly tell participants that they are being trained to become "loyar buruk" or unqualified lawyer.

This would serve them well in the event of a showdown at TTPM. But more importantly, they learned the importance of avoiding a hearing at the tribunal by seeking a compromise with customers, even when they think they are absolutely right, and customers totally wrong.

This is because winning a case at TTPM, or in a civil court, would be more of a pyrrhic victory. It would have saved more time and money reaching a compromise with customers.

Moreover, the same efforts used for a successful defence could be better spent on more productive pursuits.

While conducting training I would ask "Is the customer always right?" Some would say yes, some no, while the silent majority are unsure or unable to express themselves.

I would then point out that since no one can be perfect, then no customer can always be right.

But if a particular customer is valued, he should be treated as if he is right even when he is in the wrong and feeling outraged.

We ought to bear in mind that even the most intelligent person may not be able to think logically when overpowered by anger.

Always treating customers with respect and ensuring they do not lose face in any

unpleasant incident is sure to pay dividends in the long run.

On the other hand, there are bound to be some customers in any organisation that are not worth keeping but they should never be slighted.

TTEC is meant to train travel agents to comply with various laws, safeguard their interests with binding contracts, adopt best practices in the travel industry, ensure the safety and security of tourists and to practise responsible tourism, plus briefings by Motac and Tourism Malaysia.

However, there is one sticking point in the Consumer Protection Act 1999 which ought to be amended, and that is allowing up to three years for claims to be lodged.

Granted, three weeks after a tour may be too short a time to file a complaint, but three months is more than enough.

Three years may be applicable in one or two odd cases among all goods and services, but it should not be applied across the board and ought to be amended to three months.

For tour companies, it is most unfair that they must keep customers happy for three years after a tour.

Normally, members of a tour group would feel elated upon returning home after an enjoyable tour, but such euphoria would subside after a while and totally depleted in a year or two until it becomes a distant memory.

Should a member of a tour group talked about an overseas trip more than two years ago, he or she could easily be brainwashed by a jealous friend or relative who may claim to have paid much less for a similar tour. The message is to get some refund for the amount overpaid.

It is almost certain that this tour member will not be entertained by the tour company and brushed off by the staff.

Feeling dejected, he or she files a claim at TTPM and until the hearing, staff of the tour company may experience sleepless nights preparing to defend the case.

YS Chan is Asean Tourism Master Trainer for travel agencies, master trainer for Travel & Tours Enhancement Course and Mesra Malaysia (both programmes under Ministry of Tourism, Arts and Culture). He is also a tourism and transport industry consultant and writer. Comment: letters@thesundaily.com

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.99
• Daging Lembu Tempatan	RM34
• Daging Lembu Import	RM18.90
• Telur Gred A	RM8.90
• Ikan Kembung	RM10.90
• Minyak Masak	RM5.30
• Cula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM 2.89
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM5.90
• Kubis Tempatan	RM2.50
• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP